

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN
[JULAU]**

SOALAN

TUAN LARRY SOON @ LARRY SNG WEI SHIEN [JULAU] minta Menteri Perusahaan Perladangan Dan Komoditi menyatakan:-

Status terkini pengeksportan komoditi utama negara pada suku pertama dan kedua tahun ini, terutama sekali lada hitam, ketika dunia berdepan dengan penularan wabak COVID-19.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan kuantiti lada yang digred untuk eksport pada suku pertama dan kedua tahun ini, terdapat penurunan sebanyak 14.8% pada sukuan pertama berbanding tahun 2019, iaitu daripada 2,917 tan metrik ke 2,484 tan metrik.

Penurunan juga dikesan pada sukuan kedua sebanyak 28.4% daripada 3,265 tan metrik tahun 2019 kepada 2,336 tan metrik pada 2020.

Sekian, terima kasih